

Malaysia Harap Menjadikan AMRI Berjaya Dan Pastikan Pelaksanaan Program Bernama
28 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Malaysia, sebagai pengerusi, berharap untuk menjadikan Persidangan Menteri-menteri Asean Bertanggungjawab bagi Maklumat kali ke-11 berjaya, serta terus memastikan program dan projek berkaitan dilaksana dalam semangat Asean, secara rundingan dan persetujuan bersama.

Dalam kenyataan perasmianya pada mesyuarat Pegawai-pegawai kanan Bertanggungjawab bagi Maklumat Asean (SOMRI) di sebuah hotel di sini pada Selasa, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Kamaruddin Siaraf berkata SOMRI perlu memastikan program dan projek yang dipersetujui dapat membantu meningkatkan pengetahuan mengenai Asean di kalangan rakyat rantau ini.

Beliau menekankan bahawa SOMRI juga perlu membantu menyampaikan visi, misi, matlamat dan aspirasi Asean kepada rakyat 10 negara anggota perkumpulan itu.

"Dan dengan melakukannya, ia memberikan sumbangan ketara kepada matlamat utama membina komuniti satu Asean," kata Kamaruddin yang juga pengerusi SOMRI.

Kamaruddin berkata sejak penubuhannya pada 1989, SOMRI telah melaksanakan sejumlah besar projek mengenai kerjasama maklumat dan media untuk faedah negara anggota.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648480>